| 115. | | Pelabuhan Klang Utara | M.S. | 150 | No. 1, Kaw 20, Jln Sultan Hishamudin 2, Bandar Sultan Sulaiman, Pelabuhan Klang, Selangor | 180 | Kegagalan struktur paip/Pengaratan | 11/03 /2016 12:50 PM | 11/03/2 016 07:30 PM | 6 | 40 |
| 116. | | Pelabuhan Klang Utara | M.S. | 150 | Lot 11, Lengkaran Sultan Mohd 2, Bandar Sultan Sulaiman, Port Kelang, Selangor | 180 | Kegagalan struktur paip/Pengaratan | 18/11 /2016 04:30 PM | 18/11/2 016 09:00 PM | 4 | 40 |
| 117. | | Pelabuhan Klang Utara | M.S. | 150 | No. 1, Kaw 20, Jln Sultan Hishamudin 2, Bandar Sultan Sulaiman, Pelabuhan Klang, Selangor | 180 | Kegagalan struktur paip/Pengaratan | 11/03 /2016 12:50 PM | 11/03/2 016 07:30 PM | 6 | 40 |
| 118. | | Pelabuhan Klang Utara | M.S. | 200 | Berhadapan Gudang Yoo Ming Sebelah Landasan Keretapi, Jln Pelabuhan Klang, Pelabuhan Utara, Port Klang, Selangor | 250 | Kegagalan struktur paip/Pengaratan | 04/11 /2016 10:00 AM | 05/11/2 016 06:30 PM | 8 | 30 |
| 119. | | Pelabuhan Klang Utara | U.P.V.C . | 100 | No. 129, Jln Tengah, Pelabuhan Selatan, Klang Utara, Selangor | 180 | Paip berusia | 27/02 /2016 03:20 PM | 27/02/2 016 06:00 PM | 2 | 40 |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA**
**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI**
**(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : STATISTIK KEMALANGAN DI DUN PELABUHAN KLANG**

7. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila senaraikan statistik kemalangan melibatkan penunggang motorsikal, pemandu kereta, lori-lori kontena dan lain-lain kenderaan di dalam DUN Pelabuhan Klang.

**JAWAPAN:**

a) Statistik kemalangan mengikut jenis kenderaan Ibu Pejabat Polis Daerah Klang Selatan dari 01/01/2018 hingga 31/07/2018

| BIL | JENIS KENDERAAN | JENIS KEMALANGAN | | | | JUMLAH KEMLG. | % |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | KEMLG. MAUT | KEMLG. PARAH | KEMLG. RINGAN | KEMLG. ROSAK | | |
| 1. | MOTOSIKAL 100-250cc | 25 | - | 2 | 756 | 783 | 10.1 |
| 2. | MOTOSIKAL 250-500cc | - | - | - | 14 | 14 | 0.2 |
| 3. | MOTOSIKAL > 500cc | - | - | - | - | 1 | 0.01 |
| 4. | MOTOKAR | 16 | 2 | 1 | 5614 | 5633 | 72.8 |
| 5. | TEKSI | - | - | - | 17 | 17 | 0.2 |
| 6. | MPV | - | - | - | 269 | 269 | 3.5 |
| 7. | 4WD | 1 | - | - | 310 | 311 | 4.0 |
| 8. | PICK-UP | - | - | - | 3 | 3 | 0.04 |
| 9. | VAN | - | - | - | 109 | 109 | 1.4 |
| 10. | LORI TANKER | - | - | - | 6 | 6 | 0.1 |
| 11. | LORI TRAILER | - | - | - | 18 | 18 | 0.2 |
| 12. | LORI KONTENA | 1 | - | - | 72 | 73 | 0.9 |
| 13. | LORI KECIL | 1 | - | - | 357 | 358 | 4.6 |
| 14. | BAS EKSPRESS | - | - | - | 5 | 5 | 0.1 |
| 15. | BAS PEKERJA | - | - | - | 11 | 11 | 0.1 |

| BIL | JENIS KENDERAAN | JENIS KEMALANGAN | | | | JUMLAH KEMLG. | % |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | KEMLG. MAUT | KEMLG. PARAH | KEMLG. RINGAN | KEMLG. ROSAK | | |
| 16. | BAS SEKOLAH | - | - | - | 7 | 7 | 0.1 |
| 17. | BAS HENTI-HENTI | - | - | - | 6 | 6 | 0.1 |
| 18. | BASIKAL | - | - | | 5 | 5 | 0.01 |
| 19. | LAIN-LAIN | 4 | 7 | 1 | 101 | 113 | 1.5 |
| **JUMLAH** | | **48** | **9** | **4** | **7681** | **7742** | **100** |

Polis Di Raja Malaysia (PDRM) Kontinjen Selangor terdiri daripada 16 Daerah Polis. Manakala Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor pula mempunyai 56 DUN. Perbezaan jumlah Daerah Polis dan DUN ini menyebabkan persempadanan mengikut kawasan adalah tidak sama. Sistem yang digunakan oleh PDRM dalam mengumpul data kemalangan adalah mengikut Daerah Polis. DUN Pelabuhan Klang termasuk di dalam pentadbiran Ibu Pejabat Polis Daerah Klang Selatan. Data yang diberi ini merangkumi keseluruhan kawasan di dalam persempadanan Daerah Polis Klang Selatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA**
**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI**
**(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : ADUAN MAJLIS PERBANDARAN KLANG (MPK)**

8. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila nyatakan statistik aduan yang diterima oleh Majlis Perbandaran Klang mengikut kategori dan jenis aduan daripada tahun 2016 sehingga kini di DUN Pelabuhan Klang.

b) Sila nyatakan berapakah jumlah aduan yang dapat diselesaikan oleh pihak MPK?

**JAWAPAN:**

a) Jumlah aduan yang diterima oleh Majlis Perbandaran Klang mengikut kategori dan jenis aduan dari tahun 2016 sehingga kini (tahun 2018 dari bulan Januari hingga Julai) di DUN Pelabuhan Klang adalah seperti berikut:-

| **Bil.** | **Kategori Aduan** | **Tahun** | | |
|---|---|---|---|---|
| | | 2016 | 2017 | 2018 [Jan-Julai] |
| 1. | Lampu | 643 | 660 | 404 |
| 2. | Gangguan Binatang [anjing] | 406 | 449 | 239 |
| 3. | Sampah | 398 | 291 | 104 |
| 4. | Pokok | 246 | 285 | 107 |
| 5. | Longkang | 242 | 202 | 118 |
| 6. | Jalan | 229 | 282 | 147 |
| 7. | Bangunan | 83 | 94 | 37 |
| 8. | Rumah Kosong/ Semak samun | 36 | 42 | 18 |
| 9. | Rumput Panjang | 45 | 78 | 54 |
| 10. | Penjaja | 83 | 70 | 21 |
| 11. | Perniagaan | 72 | 74 | 46 |
| 12. | Kenderaan Buruk | 59 | 112 | 52 |
| 13. | Pelbagai aduan | 404 | 347 | 255 |
| **Jumlah Keseluruhan** | | **2946** | **2986** | **1602** |

b) Jumlah aduan yang dapat diselesaikan oleh Majlis Perbandaran Klang dari tahun 2016 sehingga kini (tahun 2018 dari bulan Januari hingga Julai) di DUN Pelabuhan Klang adalah seperti berikut:-

| **Perkara** | **Tahun 2016** | **Tahun 2017** | **Tahun 2018 (Jan – Julai)** |
|---|---|---|---|
| Jumlah Keseluruhan Aduan Yang Diterima | 2946 | 2986 | 1605 |
| % | 100% | 100% | 100% |
| Jumlah Aduan Yang Diselesaikan | 2946 | 2986 | 1281 |
| % | 100% | 100% | 80% |
| Jumlah Aduan Masih Dalam Tindakan | 0 | 0 | 321 |
| % | 0 | 0 | 20% |

Untuk tahun 2018 (dari bulan Januari hingga Julai), terdapat 321 aduan yang masih dalam tindakan pihak Majlis. Aduan-aduan ini melibatkan aduan berulang seperti kategori yang berikut:-

i) Gangguan anjing;
ii) Lampu jalan;
iii) Kenderaan buruk;
iv) Bangunan ubahsuai/tambahan;
v) Rumah kosong/tinggal bersemak samun;
vi) Tanah lapang/semak;
vii) ‘Gated & Guarded’;
viii) Perniagaan kacau ganggu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA**
**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI**
**(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : KEMUDAHAN WIFI PERCUMA DI PULAU INDAH, PELABUHAN KLANG**

9. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk memberi serta meluaskan lagi kemudahan Wifi Percuma di dalam kawasan Pelabuhan Klang terutamanya di Mukim Pulau Indah Daerah Klang?

**JAWAPAN:**

a) Ya, Kerajaan Negeri berhasrat untuk memberi serta meluaskan kemudahan Wifi Smart Selangor di dalam kawasan Pelabuhan Klang. Perbincangan dengan pembekal Internet dijalankan secara berterusan untuk penambahan dan penambahbaikan kawasan liputan secara berperingkat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA**
**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI**
**(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : ISU JALAN BERLUBANG (POT-HOLE)**

10. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri bagi memastikan setiap penampalan jalan berlubang dilakukan dengan kadar segera?

**JAWAPAN:**

a) Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) telah dibangunkan oleh Kerajaan Negeri berkuatkuasa pada 27 Mac 2018. Melalui sistem tersebut, semua aduan termasuk aduan jalan berlubang (pothole) akan dikemukakan ke agensi-agensi yang berkenaan untuk diambil tindakan.

Bagi aduan pothole, JKR Selangor melalui JKR Daerah akan memastikan aduan tersebut ditangani dalam tempoh 24 jam dan kerja-kerja baikpulih akan dilaksanakan oleh kontraktor konsesi yang dilantik untuk Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri. Ia selaras dengan Piagam Pelanggan JKR bagi menampal pothole dalam tempoh 24 jam selepas aduan diterima.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA**
**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI**
**(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : PENCEMARAN ALAM SEKITAR OLEH KILANG**

11. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan semua kilang yang telah diambil tindakan oleh pihak Kerajaan Negeri daripada tahun 2016 sehingga kini.

b) Apakah tindakan penguatkuasaan oleh Kerajaan Negeri terhadap kilang-kilang yang melepaskan sisa toksik ke dalam sungai sehingga mencemarkan alam sekitar seperti di dalam kawasan Kampung Telok Gong, Pelabuhan Klang?

**JAWAPAN:**

a) Jumlah tindakan undang-undang yang telah diambil oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor kepada premis atau kilang daripada tahun 2016 sehingga 15 Ogos 2018 di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 adalah seperti berikut:-

i) Notis Arahan – 858 kes;
ii) Tawaran kompaun – 821 kes; dan
iii) Tindakan mahkamah – 245 kes.

Maklumat jenis industri bagi semua tindakan penguatkuasaan yang telah dijalankan adalah seperti berikut :

| JENIS INDUSTRI | TAHUN 2016 | | | TAHUN 2017 | | | TAHUN 2018 (SEHINGGA 15.8.18) | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | NOTIS ARAHAN | KOMPAUN | PERTUDUHAN MAHKAMAH | NOTIS ARAHAN | KOMPAUN | PERTUDUHAN MAHKAMAH | NOTIS ARAHAN | KOMPAUN | PERTUDUHAN MAHKAMAH |
| BENGKEL | 20 | 5 | 2 | 12 | 17 | 9 | 6 | 10 | 8 |
| BERASASKAN GETAH | 23 | 29 | 2 | 10 | 13 | 6 | 13 | 24 | 0 |
| BERASASKAN KAYU | 11 | 16 | 0 | 16 | 8 | 0 | 12 | 18 | 3 |
| ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK | 36 | 29 | 1 | 9 | 7 | 36 | 9 | 8 | 24 |
| FABRIKASI LOGAM | 19 | 14 | 0 | 2 | 0 | 0 | 3 | 4 | 0 |
| GALIAN BUKAN LOGAM | 13 | 8 | 3 | 7 | 1 | 0 | 2 | 1 | 0 |
| GUDANG | 20 | 9 | 0 | 9 | 10 | 2 | 2 | 0 | 0 |
| INDUSTRI KIMIA | 35 | 50 | 5 | 17 | 12 | 0 | 14 | 17 | 3 |
| JENTERA | 7 | 3 | 0 | 1 | 3 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| KENDERAAN | 16 | 11 | 2 | 6 | 18 | 2 | 6 | 7 | 0 |
| KERTAS | 3 | 16 | 0 | 4 | 3 | 0 | 2 | 2 | 0 |
| KILANG KELAPA SAWIT (PYDT) | 14 | 11 | 3 | 9 | 0 | 2 | 2 | 0 | 11 |
| KUARI | 4 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 3 | 0 |
| KULIT | 0 | 0 | 0 | 1 | 2 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| LAIN-LAIN | 0 | 26 | 0 | 0 | 24 | 0 | 0 | 11 | 0 |
| LOJI JANAKUASA | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 |

| JENIS INDUSTRI | TAHUN 2016 | | | TAHUN 2017 | | | TAHUN 2018 (SEHINGGA 15.8.18) | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | NOTIS ARAHAN | KOMPAUN | PERTUDUHAN MAHKAMAH | NOTIS ARAHAN | KOMPAUN | PERTUDUHAN MAHKAMAH | NOTIS ARAHAN | KOMPAUN | PERTUDUHAN MAHKAMAH |
| LOJI PENGOLAHAN KUMBAHAN | 9 | 1 | 0 | 5 | 1 | 0 | 1 | 0 | 0 |
| LOJI RAWATAN AIR | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| MAKANAN DAN MINUMAN | 46 | 25 | 9 | 23 | 16 | 9 | 18 | 28 | 4 |
| MAKANAN TERNAKAN | 3 | 3 | 0 | 2 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| PEMBUATAN PAYUNG | 12 | 5 | 0 | 3 | 0 | 0 | 2 | 2 | 0 |
| PENAPISAN MINYAK MAKAN | 0 | 2 | 0 | 1 | 0 | 0 | 1 | 2 | 0 |
| PENAPISAN PETROLEUM | 2 | 0 | 0 | 2 | 0 | 0 | 1 | 1 | 0 |
| PENGILANGAN LOGAM | 42 | 59 | 5 | 13 | 24 | 0 | 11 | 30 | 0 |
| PENTERNAKAN | 1 | 2 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| PENYUDAHAN LOGAM DAN SADUR ELEKTRIK | 12 | 9 | 0 | 7 | 6 | 3 | 7 | 8 | 1 |
| PERALATAN SUKAN DAN PERMAINAN | 0 | 0 | 0 | 1 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| PERCETAKAN | 38 | 9 | 0 | 5 | 7 | 0 | 8 | 11 | 0 |
| PERKHIDMATAN | 14 | 3 | 0 | 6 | 4 | 0 | 1 | 0 | 0 |

| JENIS INDUSTRI | TAHUN 2016 | | | TAHUN 2017 | | | TAHUN 2018 (SEHINGGA 15.8.18) | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | NOTIS ARAHAN | KOMPAUN | PERTUDUHAN MAHKAMAH | NOTIS ARAHAN | KOMPAUN | PERTUDUHAN MAHKAMAH | NOTIS ARAHAN | KOMPAUN | PERTUDUHAN MAHKAMAH |
| PERTANIAN | 0 | 0 | 0 | 0 | 2 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| PERUBATAN | 11 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 |
| PLASTIK | 33 | 11 | 4 | 17 | 24 | 10 | 21 | 28 | 10 |
| PREMIS BUANGAN TERJADUAL (PYDT) | 19 | 3 | 3 | 26 | 10 | 10 | 11 | 3 | 38 |
| ROKOK DAN TEMBAKAU | 2 | 2 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| SIMEN | 7 | 2 | 2 | 4 | 0 | 4 | 8 | 8 | 7 |
| TAPAK PELUPUSAN SAMPAH | 0 | 2 | 0 | 0 | 4 | 0 | 0 | 2 | 0 |
| TAPAK PELUPUSAN SANITARI | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 2 |
| TEKSTIL | 2 | 10 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| **JUMLAH BESAR** | **476** | **376** | **41** | **218** | **217** | **93** | **164** | **228** | **111** |

b) Jabatan Alam Sekitar akan mengeluarkan Notis Arahan kepada premis atau kilang yang gagal mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling,1974 (AKAS) dan peraturan-peraturan di bawahnya supaya mengambil tindakan dan langkah-langkah sewajarnya bagi mengatasi masalah pencemaran udara dan air yang berlaku. Selain dari itu, kompaun dan tindakan mahkamah akan diambil sebagai denda ke atas kesalahan yang telah dilakukan. Bagi memastikan pematuhan yang berterusan Jabatan Alam Sekitar akan menjalankan pemeriksaan secara berkala ke atas premis kilang yang tertakluk kepada AKAS 1974.

   Bagi premis di kawasan Kampung Telok Gong, Pelabuhan Klang, Jabatan Alam Sekitar telah mengambil tindakan terhadap premis-premis yang telah menyebabkan pencemaran air dengan mengeluarkan sebanyak 20 kes Notis Arahan dan 43 tawaran kompaun pada tahun 2016 sehingga 15 Ogos 2018. Selain itu, sebanyak 17 kes telah disediakan Kertas Siasatan terhadap kesalahan pencemaran air untuk diambil tindakan mahkamah manakala 17 kes pula telah diambil tindakan penahanan operasi di bawah di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA**
**Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI**
**(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : SKIM PEDULI SIHAT**

12. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah Kerajaan Negeri memiliki cadangan untuk meluaskan skop perlindungan rawatan kesihatan di bawah Skim Peduli Sihat kepada rawatan-rawatan lain seperti penjagaan gigi dan mata?

**JAWAPAN:**

a) Rawatan penjagaan gigi dan mata telah termasuk di dalam skop perlindungan rawatan kesihatan di bawah Skim Peduli Sihat. Sehingga kini, terdapat sebanyak 1131 buah klinik termasuk 4 buah klinik gigi telah menjadi panel klinik Skim Peduli Sihat. Selain daripada itu, pemegang kad Peduli Sihat boleh membuat saringan pemeriksaan kesihatan asas dengan kadar minimum bagi menggalakkan masyarakat untuk lebih peka dengan tahap kesihatan masing-masing dan dapat melaksanakan langkah-langkah pencegahan awal agar menghindari diri dari penyakit tidak berjangkit (*Non Communicable Disease*).

Bermula tahun 2018, Kerajaan Negeri Selangor juga telah menambahbaik pelaksanaan Skim Peduli Sihat dengan meluluskan peruntukan *one-off* sebanyak RM180 kepada semua pemegang kad untuk mendapatkan salah satu suntikan vaksin bagi *pneumokokal/ meningococcal/ hepatitis B/ influenza/ typhoid*.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA**
**Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI**
**(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : BAS SMART SELANGOR**

13. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menambah perkhidmatan Bas Smart Selangor ke kawasan yang masih belum mendapat kemudahan pengangkutan awam?

**JAWAPAN:**

a) Perkhidmatan Bas Smart Selangor yang kini memasuki tahun ketiga pelaksanaannya telah banyak memberi impak positif terhadap capaian jaringan pengangkutan awam lain khususnya dalam menghubungkan jaringan pengangkutan awam darat seperti komuter, BRT, LRT dan MRT. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa masih terdapat kawasan yang belum mendapat kemudahan pengangkutan awam khususnya di dalam kawasan perkampungan yang mana mempunyai kekangan seperti faktor keadaan jalan raya serta jenis model bas yang sesuai. Selain daripada kekangan tersebut, penyediaan laluan-laluan Bas Smart Selangor di sesuatu kawasan adalah tertakluk kepada kriteria yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Negeri Selangor iaitu:

   a) Menepati struktur *Bus Network Revamp* oleh SPAD iaitu tidak bertindih dengan laluan operator perkhidmatan bas sedia ada;

   b) Perlu mengutamakan laluan kawasan-kawasan tumpuan pembangunan, perumahan padat dan jalan yang tidak dilalui oleh perkhidmatan bas lain;

   c) Lokasi bagi laluan bas percuma ini adalah di kawasan tumpuan kemudahan awam seperti pusat kesihatan, pejabat kerajaan, sekolah, stesen komuter, stesen LRT dan sebagainya serta kawasan komersil dan kompleks perniagaan; dan

   d) Mempunyai *connectivity* dengan sistem pengangkutan yang lain seperti stesen komuter atau stesen LRT/MRT/BRT.

Perancangan bagi menambahbaik perkhidmatan bas ini juga bergantung kepada kemampuan kewangan sama ada di peringkat Negeri mahupun Pihak Berkuasa Tempatan disebabkan oleh faktor kewangan yang terhad bagi kegunaan projek-projek yang lebih penting dan perlu diutamakan. Namun demikian, Kerajaan Negeri menyokong cadangan supaya penggunaan bas bersaiz mini atau van dikaji dan diperkenalkan semula bagi perkhidmatan bas di kawasan-kawasan yang sukar untuk dilalui oleh pengangkutan awam sedia ada.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA**
**Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI**
**(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : PENGGERAK BELIA TEMPATAN (PEBT)**

14. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menambahbaik proses pemilihan dan pelantikan Pengerusi Penggerak Belia Tempatan Negeri Selangor untuk penggal akan datang?

**JAWAPAN:**

a) Kemajuan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) di Selangor menunjukkan peningkatan yang lebih positif dalam menyumbangkan idea-idea untuk menggerakkan generasi muda dan juga dengan penglibatan mereka dalam program-program pembangunan generasi muda. Untuk makluman, bagi tahun 2016 sehingga 2017, PeBT dilantik di kalangan generasi muda yang berumur 30 tahun ke bawah yang amat sesuai dengan peredaran masa dan keperluan generasi muda pada masa kini.

Kerajaan Negeri telah menambahbaik proses pemilihan dan pelantikan Pengerusi Penggerak Belia Tempatan (PeBT) Negeri Selangor untuk penggal 2018/2020 dengan menambahbaik tatacara pencalonan PeBT.
Tatacara pencalonan ini bermula dengan penerimaan cadangan calon oleh PBT daripada Ahli Dewan Negeri dan PBT perlu membuat pelarasan pemilihan calon PeBT tersebut. Pencalonan ini hendaklah mengikut syarat-syarat pelantikan Pengerusi PeBT dan Ahli Jawatankuasa PeBT Peringkat Zon. Seterusnya, pihak PBT perlu membuat proses temu duga yang akan melibatkan Ahli Majlis, Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) dan Wakil Pejabat DUN yang mana korum temu duga mestilah sekurang-kurangnya 3 orang ahli.

Kemudian, senarai calon yang telah lulus temuduga perlu dikemukakan kepada pihak Sekretariat Belia Negeri Selangor untuk semakan rekod jenayah. Sekiranya terdapat calon PeBT yang mempunyai rekod jenayah, pihak PBT perlu membuat pencalonan semula. Manakala bagi calon yang telah lulus, tempoh percubaan akan diberikan selama 3 bulan bagi menjalankan perkhidmatan sebagai PeBT di zon yang akan ditetapkan. Sekiranya terdapat PeBT yang tidak aktif sepanjang tempoh percubaan tersebut, maka perkhidmatan mereka akan ditamatkan dan PBT perlu membuat pencalonan semula bagi pelantikan PeBT yang baru.

Sehubungan itu, PBT perlu memastikan PeBT yang dilantik mempunyai prestasi yang memuaskan sehingga tamat tempoh perkhidmatannya.

Tatacara Pencalonan Pengerusi Penggerak Belia Tempatan (PeBT) Negeri Selangor adalah seperti berikut :-

**TATACARA PENCALONAN PENGERUSI PENGGERAK PeBT PERINGKAT ZON**



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA**
**Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI**
**(N33 TAMAN MEDAN)**

**TAJUK : PENGURUSAN PANGSAPURI (JMB & MC)**

15. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah tindakan yang boleh diambil Kerajaan Negeri untuk menangani masalah pengurusan JMB yang enggan bekerjasama dengan ADUN atau Ahli Parlimen yang mengabaikan masalah penghuni?

**JAWAPAN:**

a) Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor telah menyediakan medium untuk memudahcara isu-isu pengurusan JMB/MC termasuk yang mengabaikan masalah penghuni melalui mesyuarat PRIHATIN (Pemudahcara Isu-isu Perumahan Bertingkat). Melalui medium ini, LPHS akan mengadakan perbincangan dan mengkoordinasi tindakan penyelesaian bagi isu dan permasalahan yang dihadapi bersama wakil rakyat, pemilik petak dan agensi yang terlibat terutama Jabatan Pesuruhjaya Bangunan, Pihak Berkuasa Tempatan.

   Selain itu, berdasarkan Seksyen 86 Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757), sekiranya Pesuruhjaya Bangunan berpuas hati pengurusan pangsapuri tidak dilaksanakan dengan memuaskan, maka Pesuruhjaya Bangunan boleh melantik ejen pengurusan untuk mengambil alih pengurusan tersebut daripada JMB yang bermasalah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA**
**Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT**
**(N14 RAWANG)**

**TAJUK : ISU KESESAKAN LALU LINTAS**

16. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan rancangan penyelesaian isu kesesakan persimpangan Kawasan Sekolah Seri Garing, SJK(T) Rawang, SK Rawang, SK Sinaran Budi.

b) Nyatakan rancangan penyelesaian isu kesesakan di persimpangan kawasan Taman Tun Teja.

**JAWAPAN:**

a) Kawasan yang dimaksudkan terletak di jalan persekutuan FT3209 yang menghubungkan Pekan Rawang ke Persimpangan Tol Rawang. Kesesakan yang berlaku disebabkan keadaan jalan yang sempit di lokasi tersebut menyebabkan berlaku “bottleneck” pada waktu puncak dan terdapat 5 persimpangan keluar masuk sepanjang laluan tersebut. Bagi mengatasi masalah kesesakan ini, JKR Selangor telah mengemukakan kertas cadangan ke Ibu Pejabat JKR Malaysia melibatkan pelebaran jalan di FT3209 dari Pekan Rawang – Persimpangan Tol Rawang. Berdasarkan kepada jawapan yang diberikan secara bertulis YB Menteri Kerja Raya Malaysia kepada YB Wiliam Leong dalam persidangan parlimen yang lepas, projek penyelesaian isu kesesakan di FT3209 akan dilaksanakan dalam Rolling Plan ke-4 dibawah Rancangan Malaysia Ke-11 melibatkan anggaran kos sebanyak RM 200 juta.

b) Isu kesesakan di persimpangan kawasan Taman Tun Teja/ Jalan Persekutuan 1 adalah disebabkan oleh kewujudan lampu isyarat serta jumlah trafik yang tinggi terutamanya pada waktu puncak. Berdasarkan kepada laporan “Road Traffic Volume Malaysia (RTVM)” data menunjukkan Tahap Perkhidmatan (Level of Service, LOS) di kawasan tersebut adalah kategori F bermaksud berkepadatan tinggi, masa perjalanan tidak boleh dianggar dan sangat sesak untuk tempoh yang lama. Bagi cadangan jangka pendek, jabatan ini mencadangkan kesemua lampu isyarat di kawasan tersebut menggunakan sistem Gelombang Hijau (Greenwave) bermaksud semua lampu di persimpangan akan bernyala yang hijau di laluan jalan utama membolehkan kenderaan bergerak lancar tanpa halangan di laluan utama tersebut. Bagi cadangan jangka panjang, jabatan ini mencadangkan jalan tersebut dinaiktaraf kepada piawaian jalan U5 dimana semua laluan keluar masuk simpang

akan ditutup dengan pembahagi jalan (median kerb) dan dikawal dengan pusingan – U sahaja sepanjang 3.4 KM. Cadangan ini melibatkan anggaran kos sebanyak RM 40 Juta. Cadangan jangka pendek dan jangka panjang akan dipanjangkan ke JKR Malaysia.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA**
**Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT**
**(N14 RAWANG)**

**TAJUK : PROGRAM HIJRAH SELANGOR**

17. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan berapa permohonan dan jumlah pinjaman yang telah diluluskan.

b) Nyatakan statistik pembayaran pinjaman HIJRAH yang gagal dan berjaya.

c) Nyatakan kegunaan bajet yang disalurkan kepada HIJRAH oleh Kerajaan Negeri.

**JAWAPAN:**

a) Bilangan penerima pinjaman Hijrah Selangor sehingga kini seramai 47,907 orang dengan bilangan pinjaman yang telah dikeluarkan sebanyak 54,737 dan jumlah pinjaman adalah sebanyak RM402,642,500.00.

b) Setakat ini, seramai 799 orang sahaja yang gagal membuat bayaran balik manakala seramai 17,150 telah berjaya menyelesaikan pinjaman masing-masing.

c) Kegunaan bajet yang disalurkan kepada HIJRAH oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut :

| Bil | Perkara | Peratus | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|
| 1. | Modal Pinjaman | 93% | RM 402,642,500.00 |
| 3. | Gaji Dan Pentadbiran | 7% | RM 29,315,011.26 |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA**
**Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT**
**(N14 RAWANG)**

**TAJUK : BANTUAN INFRASTRUKTUR SEKOLAH KERAJAAN**

18. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan nama sekolah dan jumlah peruntukan di DUN Rawang, DUN Kuang dan DUN Taman Templer yang telah diterima daripada Kerajaan Negeri sejak tahun 2008.

b) Adakah Kerajaan akan memberi bantuan ini kepada Sekolah Kebangsaan? Sila nyatakan sebab.

**JAWAPAN:**

a) Nama sekolah dan jumlah peruntukan di Dun Rawang, Dun Kuang dan Dun Taman Templer yang diterima daripada Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 adalah seperti di **Lampiran 1** :

**LAMPIRAN 1**

| BIL | NAMA SEKOLAH | DUN KUANG | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | TAHUN | | | | | | | | | |
| | | 2009 | 2010 | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 |
| 1 | Sekolah Agama Rakyat Al-Manarah | RM15,000.00 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | RM10,000.00 | 0 | 0 |
| 2 | Sekolah Agama Rakyat Kafa Integrasi Al-Ahmadiah | RM2,000.00 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 3 | Sekolah Agama Rakyat Kafa Integrasi Sungai Serai | RM10,000.00 | 0 | RM10,000.00 | 0 | 0 | 0 | 0 | RM20,000.00 | 0 | RM30,000.00 |
| 4 | SAR (Kafa) Al-Manarah | RM15,000.00 | 0 | RM5,000.00 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 5 | Sekolah Menengah Islam Al-Haj | 0 | 0 | 0 | 0 | RM30,000.00 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 6 | Sek Ren Islam Hidayatul Iman | 0 | 0 | 0 | 0 | RM30,000.00 | 0 | RM30,000.00 | RM5,000.00 | 0 | RM40,000.00 |
| 7 | Sekolah Rendah Islam Darul Thulab | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | RM60,000.00 | RM10,000.00 | RM50,000.00 | RM50,000.00 |
| 8 | Kafai Solahiyyah Damai Kuang | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | RM10,000.00 | 0 | RM50,000.00 |
| 9 | Sekolah Rendah Islam Aqil Amsyar | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | RM20,000.00 | 0 | RM50,000.00 |
| 10 | Akademi Integrasi Tahfiz Al Falah | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | RM5,000.00 | RM2,000.00 |
| 11 | Sriti Bandar Tasik Puteri | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | RM50,000.00 |
| 12 | Sekolah Rendah Islam Integrasi Al Ghazali | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | RM10,000.00 |
| 13 | Maahad Tahfiz Wat Tarbiyah | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | RM20,000.00 |
| 14 | Maahad Tahfiz Lil Aytam | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | RM20,000.00 |
| 15 | SJKC Kuang | 0 | 0 | RM30,000.00 | 0 | RM20,000.00 | RM30,000.00 | 0 | RM30,000.00 | RM60,000.00 | 0 |
| 16 | SJKC Chap Khuan | 0 | 0 | RM50,000.00 | RM30,000.00 | RM30,000.00 | RM18,000.00 | RM23,515.00 | RM65,000.00 | RM70,000.00 | RM80,000.00 |
| 17 | SJKC Kundang | 0 | 0 | RM30,000.00 | 0 | 0 | RM20,000.00 | 0 | RM20,000.00 | RM50,000.00 | RM80,000.00 |
| 18 | SJKT Kuang | 0 | 0 | RM30,000.00 | RM7,500.00 | RM10,000.00 | RM20,000.00 | RM20,000.00 | RM30,000.00 | 0 | RM50,000.00 |
| 19 | SJKT Batu Arang | 0 | 0 | 0 | 0 | RM25,000.00 | 0 | RM30,000.00 | RM20,000.00 | RM30,000.00 | RM50,000.00 |
| **JUMLAH** | | **RM42,000.00** | **0** | **RM155,000.00** | **RM37,500.00** | **RM145,000.00** | **RM88,000.00** | **RM163,515.00** | **RM240,000.00** | **RM265,000.00** | **RM582,000.00** |

| BIL | NAMA SEKOLAH | DUN RAWANG | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | TAHUN | | | | | | | | | |
| | | 2009 | 2010 | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 |
| 1 | Kafa Integrasi Al-Furqan | 0 | RM5,000.00 | RM50,000.00 | 0 | 0 | RM1,000.00 | 0 | RM10,000.00 | RM100,000.00 | RM50,000.00 |
| 2 | Sekolah Rendah Agama Ibnu Khaldun | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | RM10,000.00 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 3 | Kafa Integrasi Taman Pelangi | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | RM50,000.00 |
| 4 | SJKC San Yuk | 0 | 0 | RM10,000.00 | 0 | RM30,000.00 | RM50,000.00 | RM30,000.00 | RM100,000.00 | RM20,000.00 | RM80,000.00 |
| 5 | SJKC Kota Emerald | 0 | 0 | 0 | 0 | RM20,000.00 | RM20,000.00 | 0 | RM60,000.00 | RM10,000.00 | 0 |
| 6 | SJKT Rawang | 0 | 0 | RM30,000.00 | RM15,000.00 | RM50,000.00 | RM35,000.00 | RM50,000.00 | RM30,000.00 | RM50,000.00 | RM40,000.00 |
| **JUMLAH** | | **0** | **0** | **RM90,000.00** | **RM15,000.00** | **RM100,000.00** | **RM116,000.00** | **RM80,000.00** | **RM200,000.00** | **RM180,000.00** | **RM220,000.00** |

| BIL | NAMA SEKOLAH | DUN TAMAN TEMPLER | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | TAHUN | | | | | | | | | |
| | | 2009 | 2010 | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 |
| 1 | SAR Kafai Al Ahmadiah | RM2,000.00 | RM5,000.00 | RM5,000.00 | 0 | 0 | 0 | RM20,000.00 | RM5,000.00 | 0 | RM30,000.00 |
| 2 | Kafa Integrasi Frim | RM5,000.00 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | RM5,000.00 | 0 | 0 |
| 3 | SAR Kafa Integrasi Al Falah | 0 | RM5,000.00 | 0 | 0 | RM5,000.00 | RM10,000.00 | RM5,000.00 | RM5,000.00 | RM20,000.00 | RM20,000.00 |
| 4 | Kafa Integrasi Al Imaniah | 0 | RM5,000.00 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | RM40,000.00 |
| 5 | Maahad Tahfiz At-Tijarah | 0 | RM10,000.00 | 0 | 0 | 0 | RM2,000.00 | 0 | RM15,000.00 | RM30,000.00 | RM30,000.00 |
| 6 | SAR Kafa Integrasi Ummul Qura | 0 | 0 | 0 | 0 | RM5,000.00 | RM10,000.00 | RM7,000.00 | RM5,000.00 | RM50,000.00 | 0 |
| 7 | SAR Kafa Integrasi At-Taiyyibin | 0 | 0 | 0 | 0 | RM1,000.00 | 0 | RM10,000.00 | RM20,000.00 | 0 | RM25,000.00 |
| 8 | Maahad Tahfiz Hidayatul Mustaqim | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | RM2,000.00 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 9 | Pusat Tahfiz Ad Diniyyah | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | RM2,000.00 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 10 | SAR Kafai Abu Hanifah | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | RM5,000.00 | RM7,000.00 | RM5,000.00 | RM80,000.00 | RM30,000.00 |
| 11 | Sar Kafai Al-Furqan | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | RM5,000.00 | RM7,000.00 | RM15,000.00 | RM40,000.00 | 0 |
| 12 | Sar Kafai Al-Firdaus | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | RM10,000.00 | RM5,000.00 | RM20,000.00 | 0 | RM30,000.00 |
| 13 | Sekolah Rendah Islam Darul Thulab Selayang | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | RM80,000.00 | RM35,000.00 |
| 14 | Sar ( Kafa Integrasi) Saidatina Aisyah | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | RM5,000.00 | RM30,000.00 |
| 15 | Sekolah Rendah Integrasi Teras Islam Selayang Baru | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | RM20,000.00 |
| 16 | Sjkc Selayang Baru | 0 | 0 | RM30,000.00 | RM30,000.00 | RM70,000.00 | RM20,000.00 | RM23,515.00 | RM30,000.00 | RM60,000.00 | RM60,000.00 |
| **JUMLAH** | | **RM7,000.00** | **RM25,000.00** | **RM35,000.00** | **RM30,000.00** | **RM81,000.00** | **RM66,000.00** | **RM84,515.00** | **RM125,000.00** | **RM365,000.00** | **RM350,000.00** |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA**
**Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT**
**(N14 RAWANG)**

**TAJUK : KEMPEN BEBAS PLASTIK**

19. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila nyatakan bagaimana sambutan peniaga terhadap kempen bebas plastik.

b) Nyatakan kekangan yang telah dihadapi oleh kempen ini.

c) Apakah tindakan penguatkuasaan yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk memastikan program ini berjalan dengan lancar?

**JAWAPAN:**

a) Kempen Bebas Plastik telah dilaksanakan selama 7 hari seminggu di seluruh Negeri Selangor bermula 1 Januari 2017 berbanding hanya setiap hari Sabtu sebelumnya. Sehubungan itu, semua jenis perniagaan di Negeri Selangor tidak dibenarkan untuk menyediakan beg plastik "*single use*" secara percuma dan menghentikan penggunaan polistirena di semua premis termasuk premis makanan dan pasar malam.

Kempen ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pihak peniaga terutamanya peniaga-peniaga pasaraya besar, peruncit dan pengusaha makanan. Walaupun pada mulanya terdapat sesetengah peniaga tidak mematuhi arahan untuk mengenakan RM0.20 sen kerana takut kehilangan pelanggan, namun dengan kerjasama dan pemantauan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), peniaga telah mula bekerjasama dalam pelaksanaan Kempen Bebas Plastik.

Perkara ini dapat dilihat apabila para peniaga memainkan peranan mereka dalam mempromosikan Kempen Bebas Plastik dengan meletakkan notis pemberitahuan hari tanpa beg plastik dan mengenakan RM0.20 sen bagi setiap beg plastik yang dikeluarkan. Selain itu, terdapat beberapa PBT seperti MBSA dan MPSJ yang telah menjalinkan usahasama dengan beberapa buah syarikat swasta dalam membantu pelaksanaan dan promosi Kempen ini.

b) Beberapa kekangan dalam pelaksanaan Kempen Bebas Plastik adalah seperti berikut:

i) Tiada bahan alternatif yang sesuai untuk menggantikan beg plastik sekiranya larangan sepenuhnya beg plastik dilaksanakan;
ii) Disebabkan tiada bahan alternatif, maka permintaan terhadap beg plastik masih tinggi terutamanya di kawasan luar bandar; dan
iii) Negeri Selangor tidak mempunyai data pengasingan sampah bagi melihat jumlah komposisi sisa plastik sebelum dan selepas pelaksanaan Kempen Bebas Plastik.

c) Kerajaan Negeri telah mengeluarkan arahan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri (SPBT) Bil. 1/2016 dan keputusan MMKN Bil. 21/2016 untuk meletakkan syarat larangan penyediaan beg plastik secara percuma dan larangan penggunaan polistirena dalam syarat-syarat permohonan lesen.

Bagi memastikan Kempen ini berjalan lancar, Kerajaan Negeri dengan kerjasama PBT giat melaksanakan kempen kesedaran di kalangan peniaga dan pengguna. Selain itu, PBT juga mengadakan sesi *engagement* bersama pihak peniaga terutamanya sewaktu proses pembaharuan lesen perniagaan. Sekiranya aduan diterima, pihak PBT kebiasaanya akan mengambil tindakan penguatkuasaan dengan mengadakan lawatan ke premis perniagaan untuk menjelaskan kepada peniaga tentang kempen ini, seterusnya melakukan pemantauan secara berkala. Sekiranya pihak peniaga masih ingkar arahan, PBT akan mengeluarkan notis peringatan agar pihak peniaga tidak lagi memberikan beg plastik secara percuma.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA**
**Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT**
**(N14 RAWANG)**

**TAJUK : RUMAH MAMPU MILIK SELANGORKU**

20. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan berapa rumah mampu milik telah siap dan tengah dibina.

b) Berapa peruntukan yang telah digunakan untuk Rumah Mampu Milik?

c) Berapa peratusan dan jumlah rumah yang telah berjaya dijual dan dipindah masuk?

**JAWAPAN:**

a) Sehingga 15 Ogos 2018, sebanyak **19 Projek (3,770 unit rumah)** telah pun siap dan diserahkan kunci. Manakala, sebanyak **35 Projek (24,869 unit rumah)** sedang dalam pembinaan yang dijangka akan siap bermula dari tahun 2018 sehingga 2021.

b) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri menetapkan dasar Rumah Mampu Milik / Rumah Selangorku kepada semua pembangunan kediaman di Negeri Selangor. Pembangunan Rumah Mampu Milik ini disyaratkan kepada pemaju dan dibina secara "*cross subsidy*" daripada keuntungan penjualan rumah harga bebas. Oleh yang demikian kos membangunkan Rumah Mampu Milik ini tidak menggunakan peruntukan dari Kerajaan Negeri.

c) Sehingga 15 Ogos 2018, sebanyak **23,545** pemohon telah berjaya ditawarkan Rumah Selangorku yang merangkumi **82%** daripada jumlah Rumah Selangorku dalam pembinaan (28,639). Daripada jumlah tersebut, sebanyak **3,770** unit Rumah Selangorku telah pun disiapkan dan telah diserahkan kunci kepada para pembeli untuk diduduki.